

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JTW 211 – PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab SOALAN NO. 1 yang diwajibkan dan pilih TIGA soalan dari Bahagian B.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (40 markah)**Jawab SEMUA soalan.****SOALAN 1**

- (a) Pakatan Maju Jaya Sdn. Bhd. adalah merupakan sebuah syarikat perkilangan yang mengeluarkan dua jenis produk, KX dan KY. Syarikat ini menggunakan dua buah jabatan pengeluaran bagi mengeluarkan produk iaitu Jabatan Pemesinan dan Jabatan Pemasangan. Selain daripada jabatan pengeluaran, ia juga mempunyai sebuah Jabatan Kejuruteraan yang memberi perkhidmatan kepada jabatan-jabatan pengeluaran tersebut. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan ini adalah seperti menyediakan ("set-up") mesin dan memeriksa kualiti produk-produk yang dikeluarkan.

Pakatan Maju Jaya Sdn. Bhd. menganggarkan kos-kos perkilangan berikut bagi sepanjang tahun hingga 31 Disember:

	<u>RM</u>
Buruh tak langsung	
Pemesinan	120,000
Pemasangan	240,000
Kejuruteraan	90,000
Kuasa	800,000
Susutnilai mesin	80,000
Insurans mesin	10,000
Subsidi kantin	50,000
Sewa kilang	1,500,000

Maklumat-maklumat berikut juga telah diperolehi:

	Kuasa kuda	Kawasan (meter persegi)	Nilai buku mesin (RM)	Bil. pekerja	Bil. jam mesin	Bil. jam buruh langsung
Pemesinan	10,500	900	220,000	120	300,000	200,000
Pemasangan	3,750	700	140,000	200	100,000	500,000
Kejuruteraan	750	400	40,000	80		

Mengikut polisi Pakatan Maju Jaya Sdn. Bhd., kos Jabatan Kejuruteraan diagihkan kepada jabatan-jabatan pengeluaran berdasarkan jam buruh langsung, manakala kadar penguntukan (penyerapan) overhead Jabatan Pengeluaran kepada objek kos (produk) adalah berasaskan jam mesin bagi Jabatan Pemesinan dan jam buruh langsung bagi Jabatan Pemasangan.

Anda dikehendaki:

- (i) Menyediakan kertas analisis overhead dengan menggunakan asas-asas pengagihan yang sesuai.
(10 markah)
 - (ii) Mengira kadar serapan overhead jabatan (hampirkan kepada dua titik perpuluhan).
(5 markah)
- (b) Pakatan Maju Jaya Sdn. Bhd. mengeluarkan dua jenis produk iaitu KX dan KY. KX dikeluarkan dalam jumlah ("batch") 200 unit dan setiap unit memerlukan 3 jam dalam Jabatan Pemesinan dan 3 jam dalam Jabatan Pemasangan. Kos langsung sebanyak RM 200 seunit telah diuntukkan kepada produk tersebut.

Manakala KY, yang menggunakan bahan mentah yang lebih mahal, menjadikan kos langsung sebanyak RM 400 seunit dikeluarkan dalam jumlah lebih kecil iaitu 100 unit dan setiap unit memerlukan 2 jam dalam Jabatan Pemesinan dan 1 jam dalam Jabatan Pemasangan.

Anda dikehendaki:

- (i) Mengira jumlah kos pengeluaran bagi kedua-dua produk KX dan KY.
(4 markah)
 - (ii) Mengira kos seunit produk KX dan KY.
(2 markah)
- (c) Pakatan Maju Jaya Sdn. Bhd. sedang menimbangkan untuk menukar teknik pengekosannya kepada teknik yang berasaskan aktiviti (Activity – Based Costing / ABC) dan anda diminta untuk mengkaji cadangan ini.

Sebagai langkah permulaan, aktiviti-aktiviti dan penggerak kos telah dikenalpasti dan berdasarkan analisis yang dibuat, maklumat-maklumat berikut yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam Jabatan Kejuruteraan dan jumlah kos yang terlibat bagi sepanjang tahun sehingga 31 Disember telah diperolehi:

<u>Aktiviti-aktiviti Jabatan Kejuruteraan</u>	<u>Kos (RM)</u>
Penjadualan produksi	300,000
Penyediaan (set-up) mesin	104,000
Pemeriksaan kualiti	45,000

Jumlah kuantiti bagi aktiviti-aktiviti penggerak kos adalah seperti berikut:

<u>Penggerak kos</u>	<u>Kuantiti aktiviti penggerak kos</u>
Bilangan 'run' produksi	1,500 'run' produksi
Bilangan jam 'set-up'	9,000 jam 'set-up'
Bilangan pemeriksaan barangan pertama	800 pemeriksaan

Bagi aktiviti-aktiviti produksi, penggerak kos bagi aktiviti di Jabatan Pemesinan adalah jam mesin, manakala Jabatan Pemasangan menggunakan jam buruh langsung sebagai penggerak kos. (Jumlah kos bagi kedua-dua jabatan ini adalah seperti yang telah diperolehi dalam Soalan 1 (a) (i) di atas).

DIKEHENDAKI:

Berdasarkan maklumat-maklumat yang telah anda perolehi, kira kadar penggerak kos bagi semua aktiviti-aktiviti produksi dan kejuruteraan.

(7 markah)

- (d) Berikut adalah maklumat-maklumat tambahan kepada soalan (b) di atas yang di perolehi berkenaan pengeluaran produk KX dan KY:

Aktiviti	<u>Kuantiti penggerak kos yang digunakan</u>	
	untuk membuat 200 unit KX	Untuk membuat 100 unit KY
Penjadualan produksi	1 'run' produksi	2 'run' produksi
Penyediaan mesin	5 jam 'set-up'	10 jam 'set-up'
Pemeriksaan kualiti	1 pemeriksaan	1 pemeriksaan

DIKEHENDAKI:

Kira kos seunit produk KX dan KY apabila menggunakan teknik pengekosan berasaskan aktiviti (ABC).

(6 markah)

- (e) Berdasarkan jawapan bagi soalan (b) dan (d) di atas, apakah yang dapat anda lihat pada kos produk yang diperolehi dengan menggunakan pengekosan tradisional berbanding dengan teknik pengekosan ABC?

Beri pendapat anda sama ada Pakatan Maju Jaya Sdn. Bhd. patut menukar sistem pengekosan tradisionalnya kepada sistem pengekosan berasaskan aktiviti (ABC). Sebutkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum membuat keputusan tersebut.

Apakah kritikan yang sering diberikan terhadap sistem pengekosan ABC?

(6 markah)

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana **TIGA** soalan sahaja.

SOALAN 2 (20 markah)

- (a) Berikut adalah penyata pendapatan sumbangan bagi syarikat Teng Hardware Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember, 2004.

	<u>RM</u>
Jualan (25,000 unit)	500,000
Kos berubah	<u>300,000</u>
Sumbangan	200,000
Kos tetap	<u>150,000</u>
Keuntungan operasi	<u><u>50,000</u></u>

- (i) Berdasarkan penyata pendapatan di atas, berapakah harga jualan dan margin sumbangan seunit?

(2 markah)

- (ii) Kira titik pulangan modal mengikut pengiraan aritmetik di dalam unit dan nilai RM.

(4 markah)

- (iii) Sekiranya harga jualan dikurangkan sebanyak 10 peratus, berapakah jumlah unit jualan paling minimum yang perlu dibuat untuk mendapatkan keuntungan operasi sebanyak RM 50,000 seperti di atas?

(3 markah)

- (b) Butir-butir berikut telah dipetik daripada Bersih Bakery Sdn. Bhd. bagi aktiviti yang dijalankan pada suku tahun pertama. Keseluruhan unit jualan adalah dikeluarkan dalam suku tahun pertama dan tiada inventori yang dibawa dari tempoh sebelumnya.

Jualan	200,000	unit
Harga	RM 1.50	seunit
Bahan langsung	50	sen seunit produk
Buruh langsung	RM 55,000	
Overhed Perkilangan berubah	RM 43,000	
Overhed Perkilangan tetap	RM 25,000	
Overhed Jualan berubah	RM 21,000	
Overhed Jualan tetap	RM 13,000	
Overhed Pentadbiran	RM 18,000	

DIKEHENDAKI:

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki menyediakan Penyata Pendapatan bagi suku tahun pertama dengan menggunakan pendekatan:

- (i) teknik pengekosan sut
- (ii) teknik pengekosan serapan

(6 markah)

- (c) Bagi soalan (b) di atas, andaikan bahawa tidak semua unit yang dikeluarkan dalam suku tahun pertama dapat dijual dan terdapat sedikit inventori yang terpaksa dibawa ke suku tahun kedua.

- (i) Sekiranya anda diminta menyediakan penyata pendapatan mengikut teknik pengekosan sut dan serapan, teknik manakah yang akan menunjukkan keuntungan operasi yang lebih tinggi?

(2 markah)

- (ii) Bagi jawapan di atas, terangkan kenapa ianya berlaku?

(3 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

- (a) Perniagaan Munah Langkawi mengeluarkan tiga jenis minyak angin yang berasaskan gamat iaitu minyak gamat asli, minyakurut gamat dan minyak panas gamat. Pengeluaran minyak anginnya dibuat secara besar-besaran dan kebanyakan proses pembuatannya dijalankan dengan menggunakan mesin. Baru-baru ini Munah menghadapi masalah dan meminta anda untuk menyelesaikannya. Kapasiti bagi sesuatu tempoh hanya terhad kepada 8,000 jam mesin dan Munah tidak pasti

produk manakah yang patut diberi tumpuan agar beliau dapat memaksimumkan keuntungannya. Untuk membantu Munah membuat keputusan tersebut, maklumat-maklumat berikut telah diperolehi:

	Jenis Minyak Angin		
	Minyak Gamat Asli	Minyak Urut Gamat	Minyak Panas Gamat
Anggaran permintaan jualan (unit)	3,000	3,000	3,000
Sumbangan sebotol	RM 2	RM 3	RM 5
Jam mesin sebotol	30 minit	1 jam	1 jam 30 minit

DIKEHENDAKI:

- (i) Sediakan satu program produksi dengan menunjukkan campuran dan jumlah kuantiti produk yang dapat menghasilkan sumbangan tertinggi di dalam kapasiti yang terhad kepada 8,000 jam mesin.
- (7 markah)
- (ii) Sekiranya Munah menerima cadangan anda di atas, berapakah jumlah sumbangan yang akan diperolehi?
- (3 markah)
- (b) Syarikat Kerjasama Mutiara Sdn. Bhd. menjalankan operasi di tiga buah daerah iaitu Bukit Bendera, Seberang Perai dan Balik Pulau. Setelah menjalankan analisis keuntungan bagi daerah-daerah tersebut, syarikat ini mendapati bahawa operasinya di daerah Balik Pulau menghadapi kerugian. Berikut adalah sebahagian daripada laporan yang telah disediakan.

	Balik Pulau	Bukit Bendera	Seberang Perai	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Jualan	450,000	450,000	500,000	1,400,000
Kos Berubah	290,000	230,000	265,000	785,000
Kos Tetap	180,00	130,000	160,000	470,000
Untung/(Rugi)	<u>(20,000)</u>	<u>90,000</u>	<u>75,000</u>	<u>145,000</u>

Kajian terperinci telah dibuat terhadap kos tetap di daerah Balik Pulau. Adalah didapati bahawa andaikata daerah Balik Pulau ditutup, sebanyak RM 51,000 daripada kos tetap tidak dapat dielakkan, manakala kesemua kos berubah boleh dielakkan.

DIKEHENDAKI:

Anda diminta oleh pihak pengurusan untuk mengkaji sama ada untuk meneruskan operasi di daerah Balik Pulau atau tidak. Sandarkan cadangan anda dengan merujuk kepada jumlah hasil dan kos relevan.

(6 markah)

(c) Bezakan dengan jelas setiap terma berikut:

- (i) Kos relevan dan kos tak relevan.
- (ii) Kos berubah dan kos tetap.

(4 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

- (a) Syarikat Bintang MUE Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang mengeluarkan satu produk khas untuk sistem penggera automobil. Syarikat tersebut menjalankan operasi di bawah sistem pengekosan piawai bagi mengawal aspek-aspek kos berubah produk yang dikeluarkan.

Kos berubah piawaian bagi produk tersebut adalah:

		<u>RM</u>
Bahan langsung	20 kg. pada RM 4 sekg.	80.00
Buruh langsung	5 jam pada RM 5 sejam	25.00
Overhed perkilangan berubah	5 jam pada RM 3 sejam	<u>15.00</u>
		<u>120.00</u>

Belanjawan syarikat menunjukkan jualan berikut untuk empat sukuan tahun 2004 dengan harga jualan pada RM 160.00:

Sukuan pertama	8,000 unit
Sukuan kedua	7,000 unit
Sukuan ketiga	9,000 unit
Sukuan keempat	11,000 unit

Bahagian Kewangan Syarikat baru sahaja selesai menyediakan laporan kewangan untuk setengah tahun, dan berikut adalah sebahagian daripada penyata pendapatan bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2004.

- 9 -

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Jualan (14,000 pada RM 165)		2,310,000
Kos pengeluaran berubah		
Bahan langsung		
(30,000 kg. Pada RM 3.80)	114,000	
Buruh langsung		
(71500 jam pada RM 5.50)	393,250	
Overhed pengeluaran berubah	217,000	
	<hr/>	<hr/>
		724,250
Margin pengeluaran		<hr/>
		1,585,750

DIKEHENDAKI:

Sediakan laporan kepada pihak pengurusan terhadap prestasi syarikat bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2004 dengan memberi perhatian terhadap varians-variens yang dapat diperolehi daripada maklumat-maklumat yang diberi. Laporan anda juga hendaklah memasukkan perkara-perkara yang mungkin menjadi sebab mengapa varians-variens tersebut terjadi.

(15 markah)

- (b) Apakah perbezaan di antara teknik pengekosan dengan kaedah pengekosan? Bezakan di antara kaedah pengekosan kerja dengan proses dengan memberi contoh-contoh industri yang menggunakan kedua-dua kaedah tersebut.

(5 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

- (a) Syarikat Tong Perak Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat perkilangan yang mengeluarkan sejenis bahan kimia yang dipanggil Alphastar. Pada akhir tahun, 31 Disember 2004 dianggarkan hanya 500 unit stok alphastar yang tinggal. Syarikat berkenaan sedang menyediakan belanjawan induk bagi tahun 2005.

Berdasarkan analisis pemasaran yang dijalankan, produk Alphastar akan dapat dijual sebanyak 50,000 unit disepanjang tahun 2005 pada harga RM 100. Syarikat juga mencadangkan untuk menyimpan stok Alphastar sebanyak 1000 unit pada akhir tahun 2005.

DIKEHENDAKI:

Sediakan belanjawan bagi pengeluaran produk Alphastar bagi tahun 2005.

(3 markah)

...10/-

Untuk mengeluarkan seunit produk Alphastar, dua (2) jenis bahan mentah diperlukan. Berikut adalah maklumat-maklumat berkaitan dengan bahan mentah tersebut:

	Bahan Mentah	
	<u>P4</u>	<u>ZK</u>
Kos sekilo gram (kg)	RM 4.00	RM 2.00
Kuantiti yang digunakan	1 kg	2 kg
Stok Bahan pada 31 Disember 2004	1500 kg	2100 kg

Syarikat mencadangkan untuk menyimpan stok bahan P4 sebanyak 1000 kg pada akhir tahun 31 Disember, 2005 dan 1700 kg bagi bahan ZK.

DIKEHENDAKI:

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan belanjawan bagi 2005 untuk:

- (i) Kuantiti penggunaan bahan mentah.
(4 markah)
 - (ii) Pembelian bahan mentah (kuantiti, nilai dan jumlah pembelian diperlukan).
(5 markah)
- (b) Syarikat Rosy Sdn. Bhd. sedang menyediakan belanjawan boleh-ubah (fleksibel) bagi belanja jualan. Berikut adalah butir-butir berkaitan kos jualan:

Gaji pengurus jualan	RM 7,000 sebulan
Komisyen jualan	5 % daripada jualan
Belanja pengiklanan	RM 20,000 sebulan
Belanja jualan pelbagai	RM 1000 sebulan + 2% daripada jualan

DIKEHENDAKI:

Sediakan belanjawan belanja jualan boleh-ubah bulanan untuk Syarikat Rosy Sdn. Bhd. bagi jangkaan jualan sebanyak RM 100,000 dan RM 200,000 sebulan dengan menunjukkan jumlah kos-kos yang terlibat.

(4 markah)

- (c) Jelaskan objektif utama dan apakah pentingnya sesebuah syarikat menyediakan belanjawan tunai?

(4 markah)